

**KENYATAAN TAWARAN TENDER**

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) mempelawa syarikat yang berdaftar di Malaysia untuk menyertai tender berikut:

Maklumat Tawaran Tender

RUJ. TENDER	TAJUK TENDER	KELAYAKAN TENDER	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN	TARIKH & WAKTU TUTUP
KWAP/01/124/26/01	Cadangan untuk Menyediakan Perkhidmatan Nasihat Operasi bagi Pembangunan Berorientasikan Persaraan (Retirement Oriented Development – ROD) untuk Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	1. Syarikat yang berminat diwajibkan hadir ke sesi taklimat yang ditetapkan; 2. Berkeupayaan untuk menyediakan khidmat nasihat berkaitan pengoperasian ROD (termasuk fasa pra-operasi dan fasa operasi); 3. Berpengalaman dalam penjagaan warga emas dan model kediaman berasaskan komuniti yang patuh Syariah dari aspek pengurusan fasiliti, kesihatan dan kesejahteraan, serta penjagaan sendiri. Pengalaman dalam penyediaan kelas agama Islam adalah satu kelebihan; 4. Mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam mengoperasikan dan menjalankan ROD, termasuk bekerja dengan arkitek lain serta perunding yang dilantik semasa pembangunan dan fasa pra-operasi; 5. Berkeupayaan menyediakan perkhidmatan pengurusan menyeluruh, termasuk memberi nasihat dan berurusan dengan pihak berkuasa yang berkaitan, jika berkenaan; 6. Memiliki keupayaan teknikal dan kewangan; dan 7. Mempunyai modal berbayar sebanyak RM200,000 dan ke atas	29 Januari 2026 (Khamis) Maklumat taklimat akan diberikan selepas mendaftar melalui link: https://forms.cloud.microsoft/r/YAH9EZdrqC atau imbas pautan di QR: 	RM500.00 satu salinan	26 Februari 2026 (Khamis) @ 5.00 petang

Tarikh dan Masa Jualan

29 Januari - 6 Februari 2026
Khamis hingga Jumaat (Kecuali Cuti Umum)

8.30 pagi - 5.30 petang (Waktu Pejabat Sahaja)

- Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil penjual yang diberi kuasa oleh syarikat. Vendor dikehendaki mengemukakan salinan sijil pendaftaran syarikat, profil syarikat dan dokumen-dokumen berkaitan dengan kriteria di atas semasa berurusan membeli Dokumen Tender melalui emel ams.procurement@kwap.gov.my.
- Bayaran hendaklah dibuat atas nama **KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)** dan bayaran bagi Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.
- Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau tawaran terendah.
- Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dihantar mengikut tarikh dan tempat sebagaimana tertera di atas. **TAWARAN YANG LEWAT DITERIMA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
- Kenyataan Tawaran Tender ini juga dipapar di laman web kami di <https://www.kwap.gov.my/corporate/notice-of-tender/>.